

Headline **Inovasi baru**
 Date **31. Jul 2008**
 Media Title **Berita Harian**
 Section **Pendidikan**
 Circulation **217920**
 Readership **2083000**

Language **MALAY**
 Page No **18,19**
 Article Size **1013 cm2**
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**
 AdValue **17925.01**



Inovasi baru

Pelajar UPM hasil rekaan unik, terkini terima anugerah



BANGGA: Mohd Amirin (kiri), Nor Izyan dan Addy Putra menunjukkan anugerah diterima sempena Pameran Beyond Mediocrity di UPM, baru-baru ini.

R & D

Oleh Rosniza Mohd Taha
 yoniza@bharian.com.my

PAMERAN Beyond Mediocrity di Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini, menentang idea unik dan terkini pelajar Fakulti Reka Bentuk dan Senibina dalam penghasilan rekaan berdasarkan teori dan penyelidikan.

Sempena pameran itu, tiga pelajar universiti itu menerima Anugerah Pereka Terbaik iaitu Addy Putra Md Zulkifli menerusi rekaan robot binatang peliharaan, Defender Pet (Def Pet); Nor Izyan Saleh (Bangunan moden Majlis Perbandaran Taiping) dan Mohd

Amirin Mohd Yasin (Lanskap MusicScape @ Jalan Tunku Abdul Rahman).

Addy Putra, 20, pelajar Jabatan Reka Bentuk Industri menghasilkan Def Pet berkonsepkan binatang peliharaan yang berperanan sebagai penjaga kanak-kanak dan rumah.

Katanya, dengan sistem kamera dalaman disertakan pada Def Pet, ibu bapa boleh memantau kegiatan anak dari jarak jauh dan memberi arahan kepada robot itu untuk bertindak sewajarnya jika berlaku kecemasan.

"Sistem kamera dalaman ini menggunakan sensor unggul yang membolehkan Def Pet mengesan kehadiran manusia berdasarkan haba.

"Robot ini turut dilengkapi beberapa senjata pada kompo-

nen binaannya seperti pistol elektrik, cecair pemedih mata pada ekornya dan alat gelombang ultra sound yang boleh mengeluarkan frekuensi tinggi untuk membuatkan musuh keliru.

"Rekaan saya ini berupa anjing, namun ia boleh diubah kepada bentuk haiwan lain seperti kucing dan burung," katanya ketika ditemui pada pameran itu.

Pelajar tahun akhir Jabatan Senibina, Nor Izyan, 21, pula menghasilkan rekaan bangunan Majlis Perbandaran Taiping berteknologi tinggi yang mempunyai empat menara yang tidak mempunyai dinding dan bumbung biasa sebaliknya diliputi tompokan cermin gelap serta saduran logam.

Katanya antara ciri istimewa rekaannya adalah laluan masuk bawah tanah khusus bagi pelanggan dan pengunjung yang ingin berurusan di kaunter perkhidmatan pelanggan.

"Dengan pengasingan kaunter perkhidmatan pelanggan di bawah tanah, kawalan keselamatan di menara pejabat kakitangan majlis itu lebih terjamin dan tidak terganggu oleh kesibukan di kaunter perkhidmatan pelanggan.

"Lokasi tapak bangunan

di Taman Tasik Taiping, Perak, juga saya manfaatkan untuk mewujudkan halaman rekreasi bagi pengunjung dan kakitangan pihak berkuasa tempatan itu beristirahat dan menyegarkan fikiran," katanya yang menjadikan hasil kerja pereka grafik filem Alien, Ir Giger, sebagai inspirasi dalam rekaannya.

Sementara itu, pelajar tahun akhir Jabatan Senibina Lanskap, Mohd Amirin, 23, berhasrat mengubah suasana sesak di Jalan Tuanku Abdul

Rahman (TAR), Kuala Lumpur, kepada pusat santai dan berlibur bagi warga kota menerusi konsep lanskap muzik yang diperkenalkannya.

"Elemen muzik adalah ciri nilai tambah dalam idea lanskap saya ini. Ia timbul apabila melihat bagaimana pemuzik cacat penglihatan berupaya mencuri perhatian pengunjung Jalan TAR yang memang terkenal dengan kesibukan aktiviti membeli-belah.

"Lorong sepanjang deretan kedai Jalan TAR akan ditu-

tup kepada kenderaan dan dijadikan laluan pejalan kaki. Lanskapnya akan diubah berkonsepkan kehijauan serta dilengkapi kemudahan tempat duduk bagi warga kota berehat selepas penat membeli-belah.

"Sambil itu mereka boleh menikmati pemandangan indah reka bentuk bangunan yang mempamerkan ciri muzik klasik, pop, rock dan jazz sambil diiringi persembahan muzik daripada penghibur jalanan," katanya.



KAGUM: Naib Canselor UPM, Datuk Nik Mustapha R Abdullah (tengah) melihat rekaan pelajar.



MAKLUMAT: Addy Putra (kiri) memberi penerangan mengenai rekaannya kepada sekumpulan pelajar UPM.